

# Lelaki ugut ibu didenda, dipenjara kerana dadah

**KUCHING:**Padah mengugut ibu kandung sendiri selepas ditegur sering datang ke tempat kerja mangsa, seorang lelaki didenda RM2,800 oleh Mahkamah Majistret Kuching di sini, semalam.

Pembantu Pendaftar Kanan Mahkamah Syazwani Sajeli memerintahkan Muhamad Kuzaini Herman, 21, untuk dipenjara lima bulan sekiranya gagal membayar denda.

Tertuduh mengaku bersalah sebaik didakwa mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan ugutan jenayah dengan mengancam mahu memusnahkan rumah milik mangsa yang berusia 48 tahun.

Kesalahan itu didakwa dilakukannya dalam satu kejadian pada 19 Mei 2026 sekitar jam 4 petang di sebuah restoran di Saradise di sini.

Fakta kes mendedahkan mangsa membuat laporan polis selepas diugut anak kandungnya yang mengancam mahu memusnahkan ru-

mah ketika berada di tempat kerjanya.

Susulan itu, polis menangkap tertuduh pada 21 Mei 2026 untuk tindakan selanjutnya.

Hasil siasatan mendapati terdapat saksi yang berada di lokasi semasa insiden berlaku.

Punca kejadian adalah mangsa menegur tindakan tertuduh yang sering datang ke tempat kerjanya.

Mangsa juga meminta tertuduh meninggalkan premis berkenaan kerana khuatir perkara itu diketahui majikannya.

Tidak berpuas hati dengan teguran tersebut, tertuduh mengeluarkan kata-kata berbaur ugutan iaitu “kelak kamek nunok rumah” yang bermaksud “nanti saya bakar rumah” kepada mangsa sehingga menimbulkan ketakutan dan kebimbangan.

Sementara itu di Mahkamah Majistret berasingan, tertuduh dijatuhi hukuman penjara tujuh bulan selepas mengaku bersalah atas tuduhan menggunakan dadah jenis Methamphetamine dan Amphetamine.

Kesalahan itu didakwa

dilakukannya pada 4 Ogos 2025 sekitar jam 12.25 tengah hari di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Padawan.

Majistret Nursyaheeqa Nazwa Radzali memerintahkan hukuman penjara terhadap tertuduh dikuatkuasakan mulai dari tarikh sabitan (25 Mei 2026).

Pertuduhan dibuat mengikut mengikut Seksyen 15 (1) (a) ADB 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 15 (1) akta sama.

Jika sabit kesalahan, boleh didenda sehingga RM5,000 atau penjara hingga dua tahun dan serta-merta dikehendaki menjalani pengawasan oleh pegawai sebagaimana ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 selama tempoh tidak kurang daripada dua tahun dan tidak melebihi tiga tahun mengikut Seksyen 38B ADB 1952.

Pendakwaan dilakukan secara berasingan oleh Timbalan Pendakwa Raya Marvind Kaliyani dan Pegawai Pendakwa Inspektor Nur Shafiq Nyaie Ilin sementara tertuduh tidak diwakili peguam.